

21 JAN 1999

DOMPOK NAFI PEMBANGKANG SERTAI BN

KOTA KINABALU, 21 Jan (Bernama) -- Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok hari ini berkata tidak ada keperluan bagi Barisan Nasional Sabah (BN) untuk membincangkan kemasukan parti-parti pembangkang ke dalam BN kerana kerajaan campuran yang memerintah sekarang pasti akan memenangi pilihanraya negeri akan datang.

"Kebenarannya ialah tidak ada sebab langsung bagi kerajaan BN untuk membincangkan perkara ini kerana kita yakin memenangi cukup kerusi untuk menubuhkan sendiri kerajaan BN," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas spekulasi bahawa parti-parti pembangkang di Sabah akan bekerjasama dengan BN pada pilihanraya akan datang.

Dompok, yang juga Pengerusi BN Sabah, berkata, "BN begitu yakin memenangnya secara mutlak, jadi soal parti lain menyertai BN tidak timbul sama sekali," kata beliau.

Parti pembangkang, Parti Bersatu Sabah (PBS) sebelum ini telah menunjukkan kesediaan untuk "bekerjasama" dengan BN jika parti itu gagal memenangi pilihanraya akan datang.

Bekas Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh, yang mengetuai sebuah lagi parti pembangkang di Sabah iaitu Parti Bersekutu, mengaku telah berjumpa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini untuk membincangkan "beberapa perkara berkaitan Sabah."

Bagaimanapun, Harris berkata tiada perbincangan mengenai kemungkinan pakatan atau gabungan dengan BN negeri pada pertemuan 10 minit itu.

Penggal perkhidmatan 48 ahli Dewan Undangan Negeri akan tamat 18 Mac ini.

-- BERNAMA

JS AR